



Submission date: 04/05/2020

Accepted date: 05/8/2020

METODOLOGI DAKWAH MENURUT ABDUL KARIM ZAIDAN (1917-2014): DALAM BUKUNYA USUL DA'WAH

Dakwah Methodology According to Abdul Karim Zaidan's View (1917-2014): In His Book Usul Da'wah

Mohd Rumaizuddin Ghazali
Universiti Sains Islam Malaysia

rumai@usim.edu.my

Abstrak

Artikel ini membicarakan tentang sumber metodologi dakwah, pendekatan dakwah menurut pandangan Abdul Karim Zaidan. Menurutnya, sumber metodologi dakwah ialah al-Quran, al-Sunnah, sejarah hidup para Sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha serta pengalaman pendakwah itu sendiri. Artikel ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Objektif artikel ini ialah memperkenalkan biografi Abdul Karim Zaidan. Di samping itu menjelaskan manhaj dakwahnya iaitu berdasarkan praktik yang pernah dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat. Rasulullah telah menggunakan pendekatan pengkisahan, dialog, penyelesaian masalah, pengajian ilmu, khutbah dan ceramah serta penulisan dengan menulis surat kepada ketua-ketua negara. Buku Usul al-Da'wahnya telah menjadi rujukan utama kepada pendakwah di seluruh dunia. Artikel ini mendapati penggunaan manhaj dakwah yang betul akan memberi impak positif kepada kejayaan perkembangan dakwah Islam.

Kata kunci: Biografi Abdul Karim, manhaj Dakwah, Uslub dan Wasilah dakwah. Penyakit dakwah.

Abstract

The article discusses the sources of da'wah methodology, da'wah approaches according to Abdul Karim Zaidan's view. According to him, the sources of da'wah methodology are the Qur'an, al-Sunnah, the history of Sahabah, the opinions and views of the fuqaha and the experiences of the dai'e themselves. This article employs library research. The objective of this article is to introduce the biography of Abdul Karim Zaidan. It also describes his dakwah methodology, which is based on the practices carried out by the Prophet and his Companions. The Prophet has utilised

various methods such as narrations, dialogues, problem solving, focussed deliberations of knowledge, sermons and lectures as well as writings through correspondences with various heads of state. Through his own book, *Usul al-Da'wah*, he has been regarded as the source of reference to the Muslim preachers the world over. This article found that proper adoption of preaching methodologies will contribute positive impacts on the successful dissemination of the Islamic dakwah.

Keywords: Biography of Abdul Karim, Manhaj Dakwah, Uslub and Wasilah, Preaching. Preaching Plight.

PENDAHULUAN

Artikel ini membicarakan secara ringkas buografi Andul Karim Zaidan dan pendekatan manhaj dakwah yang berkesan. Di samping turut menjelaskan penyakit-penyakit dakwah dan wasilah dakwah. Perkara yang dimaksudkan wasilah ialah segala yang membantu para pendakwah dalam menyampaikan dakwah secara berkesan.

NAMA DAN PENDIDIKAN

Nama penuhnya ialah Abdul Karim Zaidan Bahij al-'Ani. Bahij adalah nama datuknya, al-'Ani nisbah kepada kepada perkampungan Anah yang terletak dalam daerah Al-Anbar yang merupakan tempat kelahiran bapa dan datuknya. Sementara Abdul Karim dilahirkan di kawasan Karakh berdekatan Suq Hamadah, di Baghdad pada tahun 1917 dalam rekod pendaftaran rasmi. Menurutnya, tarikh kelahirannya sebenarnya pada tahun 1921. Hal ini disebabkan kelewatan pendaftaran kelahiran yang hanya dilakukan selepas jangka masa yang panjang. Oleh itu, kerana pendaftaran kelahiran tersebut hanya melihat berdasarkan kepada ketinggian dan besar kanak-kanak di hadapan mereka. Bapanya telah meninggal dunia ketika umurnya berusia tiga tahun dan ibunya pula meninggal ketika beliau telah meningkat dewasa. Ibu dan kakak-kakaknya sangat menyayanginya sehingga ia tidak merasai sebagai anak yatim (drzedan.com).

Beliau belajar al-Quran di Kuttab di kampungnya. Setelah itu, abang sulung beliau memasukkan beliau ke sekolah rendah di Karakh di mana beliau belajar selama enam tahun. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di peringkat pertengahan selama tiga tahun dan di peringkat menengah selama dua tahun menerusi aliran sastera. Setelah berjaya mendapat sijil peringkat menengah, beliau mengajar di sekolah peringkat rendah untuk menyara keluarga. Pada pertengahan tahun 1930-an beliau mengajar di daerah Diyali selama empat tahun, di Sekolah Abi Saida, Maqdiyah dan akhirnya berpindah ke sekolah rendah di Baghdad (drzedan.com).

Pada awal tahun 1946, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan keputusan menerima pelajar-pelajar yang tamat peringkat menengah untuk memasuki universiti. Ini melayakkan beliau memasuki fakulti undang-undang. Fakulti ini mempunyai peranan istimewa kepada dirinya kerana di fakulti itulah beliau belajar sehingga bergelar graduan dan kemudiannya menjadi tempat beliau mengajar. Antara subjek yang diajarnya ialah *Makhāl ilā Syari'at al-Islamīyah*, Nikah dan Talak, Pewarisan dan Fara'id, Usul Fiqh dan subjek muamalat dalam mazhab hanafi. Beliau berada di fakulti ini sehingga tahun 1950. Setelah tamat pengajian, beliau mulai mengajar agama di Sekolah Karakh sebuah sekolah menengah. Pada tahun 1953, beliau dilantik menjadi pengetua di sekolah menengah al-Najibiah dan nazir di Kementerian Pendidikan. Setelah itu, beliau dilantik menjadi pengarah pendidikan di daerah Diyali dan kemudian pengarah bahagian pendidikan agama (drzedan.com). Kemudian beliau memasuki kolej syariah di bawah Fakulti Undang-Undang, Universiti Kaherah. Beliau lulus setelah dua tahun pengajian dengan mengemukakan tesis bertajuk “-Athru al-Qusud fi Tasarufat wa al-Uqud pada tahun 1958. Pada tahun 1960, Abdul Karim menjadi pensyarah di Fakulti Undang-Undang dengan mengajar subjek syariah Islamiah dan Usul Fiqh. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat kedoktoran dengan tajuk Ahkām al-Zimmiyyin فِي دَارِ الإِسْلَامِ - Ahkam al-Zimmiyyin wa al-Musta'minin fi dar al-Islam - (Hukum Ahli Zimmah dan warga yang Diberi Keamanan dalam Negara Islam) dengan pangkat cemerlang di bawah penyeliaan Dr Abdul Salam Madkhur (drzedan.com). Antara guru-guru beliau semasa di Universiti Kaherah ialah Syeikh Muhammad Abu Zahrah, Syeikh Ali Khafif dan Syeikh Muhammad Zafzaf.

Abdul Karim Zaidan juga telah ditukarkan dari Fakulti Undang-Undang ke bahagian agama di Fakulti Sastera, Universiti Baghdad. Di sini, beliau dinaikkan pangkat dari tutor menjadi pensyarah, professor madya dan profesor. Pada tahun 1978, beliau telah dianugerah Profesor Emiritus di atas kecemerlangan akademik beliau.

Pada tahun 1950an, beliau telah menunaikan haji dan semasa pulang beliau singgah di al-Quds dan Syria lalu berjumpa dengan Nasruddin al-Albani. Dari segi akademik, beliau telah memegang jawatan profesor Syariah Islamiah dan pernah menjadi Ketua Jabatan Syariah di Fakulti Undang-Undang, Ketua Jabatan Agama di Fakulti Sastera dan juga Dekan Pengajian Islam di Universiti Baghdad. Beliau juga terlibat dengan Majma' Fiqh al-Islami di bawah kelolaan Rabitah al-Alam al-Islami dan menjadi ahli majlis tertinggi Universiti al-Iman sejak tahun 1999. Beliau juga telah menerima Anugerah Raja Faisal Antarabangsa pada tahun 1997 di atas usaha penulisan al-*Mufassal fi al-Ahkam al-Mar'ah* sebanyak 11 jilid.

MENGHADIRI SEMINAR

Beliau telah membentangkan kertas kerja dalam pelbagai seminar di dalam dan luar negara. Antaranya beliau menyampaikan ceramah umum Syariah al-Islamiah di

Kuwait pada tahun 1960-an dan terlibat dalam penerbitan Ensiklopedia Fikah bersama Kerajaan Kuwait. Pada tahun 1969, beliau membentangkan kertas kerja tajuk "Undang-Undang Antarabangsa dalam Syariah Islamiah" dalam seminar Undang-Undang dan Sains Politik Ketiga yang dianjurkan oleh Universiti Liga Arab di Baghdad. Beliau turut menghadiri Muktamar Fekah di Riyadh pada tahun 1970-an dan menyampaikan siri syarahan mengenai Fekah al-Islami di Qatar pada tahun 1995 sehingga 1996. Beliau juga terlibat dengan seminar Perbankan Islam pada tahun 1997 yang diadakan di Sana'a, Yaman.

MENGAJAR DI SANA'A DAN MENINGGAL DUNIA

Pada tahun 1992, beliau telah pergi ke Sana'a dan menjadi pensyarah di Bahagian Pengajian Islam, Fakulti Sastera, Universiti Sana'a dan di Universiti al-Iman Kebanyakan subjek yang diajar menggunakan buku karangan beliau seperti *al-Wajiz fi Usul Fiqh*, *Nizam al-Qada* dan *Madkhal Ila Syariah al-Islamiah*. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 27 Januari 2014/ 25 Rabiul Awwal 1435H dalam usia 97 tahun di Sana'an dan dikebumikan di Baghdad, Iraq.

GURU DAN RAKAN-RAKAN

Antara guru yang banyak mempengaruhi kehidupannya ialah Syeikh Amjad al-Zahawi. Beliau dilahirkan pada tahun 1300H/1883M di Baghdad. Mendapat pendidikan awal di Madrasah al-Rasyidah di Baghdad. Setelah itu, beliau menyambung pelajaran ke Istanbul selama enam tahun di kuliah kehakiman. Setelah berjaya, beliau kembali ke Baghdad dan menjadi hakim di sana. Setelah tamat dari pekerjaan rasmi, beliau berkecimpung dalam dakwah pada tahun 1946 dan menubuhkan persatuan-persatuan Islam di Iraq seperti Persatuan al-Adab al-Islamiah dan al-Ukhudh al-Islamiah. Beliau juga ketua merupakan ketua Liga Ulama Iraq dan sentiasa memperjuangkan isu Palestin. Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat 14 Syaaban 1387/1967. Abdul Karim mengakui terpengaruh dengan gurunya ini terutama dari sifat keikhlasan, ketakwaan dan keprihatinan mengenai isu-isu umat Islam. Dalam keprihatinan isu-isu umat Islam, beliau akan menghadiri setiap perhimpunan yang membincang isu-isu tersebut dan melakukan lawatan ke negara-negara umat Islam untuk mengetahui keadaan dan membela nasib mereka. Abdul Karim Zaidan telah mendampingi gurunya (*Suhbah*). Ia bukan sekadar hubungan murid dengan guru tetapi sentiasa berdampingi dengan mempelajari dalam pengajiannya secara umum dan khusus, semasa sihat dan sakit serta mengiringinya ketika bermusafir. Abdul Karim Zaidan menyatakan kecintaan kepada gurunya seperti kecintaan murid kepada guru dan kecintaan anak kepada ayahnya kerana Allah (al-Aqil, 2002:328).

Antara rakannya ialah Syeikh Muhammad Mahmud al-Sawaf yang dikenali sebagai Abu Mujahid. Beliau dilahirkan di bandar Mawsol pada I Syawal 1333H/1915 dan

dibersarkan dalam persekitaran yang kuat beragama. Mendapat didikan dari Syeikh Abdullah al-Ni'mat, Syeikh Soleh al-Jawadi dan Syeikh Amjad al-Zahiri. Beliau belajar di Madrasah al-Fisaliah dan kemudian menyambung ke al-Azhar. Semasa di Mesir, beliau terpengaruh dengan idea-idea pembaruan yang dibawa oleh Hasan al-Banna. Apabila pulang ke Iraq, beliau menjadi Ketua Ikhwan al-Muslimin Iraq dan sepenuh masa dalam aktiviti dakwah. Beliau bersama-sama dengan Syeikh Amjad al-Zahiri menubuhkan al-Jam'iyyah al-Ukhuwah al-Islamiah. Pada tahun 1958, berlaku Revolusi tentera yang mana golongan komunis telah mengambil alih pemerintahan dan menangkap serta memenjarakan mereka. Pada tahun 1962, beliau berhijrah ke Arab Saudi dengan menjadi guru di Kuliah Syariah. Beliau juga menjadi ahli Kesatuan Liga Fikah dan antara pengasas Rabitah al-'Alam al-Islami dan pegawai di Kementerian Pelajaran Arab Saudi. Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat 13 Rabiul Akhir 1413 (Oktober 1992) di lapangan terbang Istanbul ketika hendak pulang ke Arab Saudi. Jenazahnya di sembahyang di Masjidil Haram dan dikebumikan di Mekkah (al-Aqil, 2002:210).

JAWATAN-JAWATAN AKADEMIK

- a. Profesor Syariah Islamiyyah dan Ketua Fakulti Undang-Undang di Universiti Baghdad
- b. Profesor Syariah Islamiyyah dan Ketua Bahagian Agama di Fakulti Sastera, Universiti Baghdad
- c. Profesor Syariah Islamiyyah di Fakulti Pengajian Islam
- d. Profesor Fiqh dan Usul Fiqh di Universiti al-Iman, Sana'a
- e. Profesor Syariah Islamiyyah di Bahagian Pengajian Islam dan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Sana'a sehingga beliau meninggal dunia.

2. Majlis-Majlis Akademik

- a. Ahli Majlis Ulama Universiti Islam sejak tahun 1970-an
- b. Ahli Majlis Fiqh di Rabitah al-'Alam al-Islami sejak tahun 2000
- c. Ahli Majlis Fiqh di Universiti al-Iman, Sana'a

MENGANGGOTAI JAMAAH IKHWAN AL-MUSLIMUN

Ikhwan al-Muslimun Iraq ditubuhkan oleh Muhamad Mahmud Sawaf yang mendapat didikan dari Hasan al-Banna ketika beliau menuntut di al-Azhar. Beliau telah pergi Mesir pada tahun 1939 untuk menyambung pelajaran di al-Azhar. Apabila pulang di Iraq pada tahun 1946, beliau menjadi tenaga pengajar dan pendakwah yang menyebarkan pemikiran Ikhwan al-Muslimun terutama dalam majalah *al-Ukhuwwah al-Islamiah* dimana Sawaf menjadi ketua editor dan Abdul Karim Zaidan juga menjadi penulisnya.

Dalam bidang dakwah, Abdul Karim Zaidan terlibat dengan Ikhwan al-Muslimun sejak tahun 1950-an dan menjadi pimpinan pergerakan tersebut di Iraq pada tahun 1958. Program dakwah yang dilakukannya adalah melalui pengajian–pengajian agama di masjid-masjid dan juga ulasan khutbah selepas solat Jumaat. Di samping itu, beliau menulis artikel di majalah pendidikan Islam, Majalah *al-Ukhuwwah al-Islamiah* dan majalah *al-Muslimun*. Beliau menganggotai Ikhwan al-Muslimun pada musim panas tahun 1950 setelah tamat dari Fakulti Undang-Undang. Peristiwa ini terjadi setelah saudara Mustafa Wahab memberi buku mengenai Ikhwan dan Metodologi Dakwah yang membuatkan beliau merasa kagum dan tertarik dengan pergerakan ini. Lalu beliau berjumpa dengan Muhammad Mahmud Sawaf dan menganggotai pergerakan tersebut. Pada tahun 1959, apabila Muhammad Mahmud Sawaf berpindah ke Arab Saudi kerana ugutan bunuh dari pemerintah yang berideologi komunis, pihak pimpinan Tertinggi Ikhwan telah melantik Abdul Karim Zaidan menjadi *Muraqib* (Ketua) Ikhwan al-Muslimun di Iraq sejak tahun 1960 sehingga tahun 1990-an. Namun oleh kerana keadaan politik di Iraq dan tekanan yang kuat dari pemerintah, strategi dakwah Ikhwan Iraq telah bertukar kepada bentuk dakwah individu dan rahsia. Menurut Abdul Karim Zaidan, strategi ini bukan bermaksud menghentikan dakwah Ikhwan tetapi lebih kepada pertukaran pendekatan mengikut keadaan semasa. Pihak Ikhwan al-Muslimun Iraq telah membubarkan pertubuhan Ikhwan Iraq dan mereka bergerak secara senyap kerana tekanan pemerintah yang menangkap dan menghukum gantung mereka yang terlibat. Menurut Abdul Karim Zaidan lagi, keadaan politik di Iraq yang tidak stabil serta ketiadaan kebebasan individu telah menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk berpindah ke Yaman sehingga beliau meninggal dunia (Taufik al-Wa'iyy, 2006: 296-298, www.zedan.com/ www.qaradawi.net/).

Menurut Ustaz Hashim Jasin, pergerakan Ikhwan di Iraq lebih berupayat memperkembangkan idea-ideanya di kalangan mahasiswa walaupun dilakukan secara rahsia. Pendedahan buku-buku tokoh Ikhwan mudah didapati daripada Mesir. Hal ini dibuktikan dengan aktiviti sepuluh pelajar Malaysia yang dihantar ke Iraq oleh almarhum Yusuf Rawa ke sana untuk mendapat didikan usrah Ikhwan. Abdul Karim Zaidan sentiasa memantau perkembangan pelajar-pelajar ini melalui naqib yang telah dilantiknya bagi mengurus urusan pelajar-pelajar tersebut (Temubual Hashim Jasin, 4 Julai 2016).

GABUNGAN MANHAJ FIKAH DAN DAKWAH

Walaupun bermazhab Hanafi Abdul Karim Zaidan mengajar fikah dengan pelbagai mazhab. Beliau kemudiannya membuat pertimbangan dan memilih pendapat yang lebih sahih dan rajih. Beliau menggabungkan fikah dengan elemen-elemen dakwah. Tidak semua ahli fikah berpersepsi sebagai pendakwah. Hal ini adalah kerana sesetengah ahli fikah hanya pakar dalam permasalahan fikah sahaja tetapi tidak

mampu berkhutbah atau berceramah dan menyampaikan pengajaran umum. Abdul Karim Zaidan mempunyai buku khusus membicarakan asas-asas dakwah iaitu *Usul al-Da'wah*. Keistimewaan buku ini dan buku-buku karangannya ialah ia menggabungkan fiqh dan dakwah. Abdul Karim Zaidan adalah seorang yang fakih dan pendakwah yang hebat, Buku-buku beliau menjadi sibus di universiti-universiti di seluruh dunia. Beliau juga seorang yang terkenal berpendirian tegas dalam menyatakan kebenaran dan melatih umat Islam agar sentiasa berjihad menentang kezaliman. Beliau meniupkan semangat jihad di Iraq, di Palestin dan di Yaman. Jihad semuanya bukanlah jihad senjata tetapi jihad dalam menyatakan kebenaran kepada pemerintah (al-Qaradawi.net).

Yusuf al-Qaradawi menyebutkan bahawa Abdul Karim Zaidan amat prihatin terhadap isu umat Islam terutama dalam isu Iraq dan mengikuti setiap peristiwa yang berlaku. Menurut al-Qaradawi, walaupun usia Abdul Karim telah melangkaui 90 tahun, beliau tetap gigih berkhidmat untuk dakwah dan Islam. Di dalam dirinya terdapat sifat ketokohan, keilmuan, kefakihan dan pendakwah serta semangat jihad yang tinggi (www. al-qaradawi.net).

PENULISAN

1. -أحكام الدميين والمستأمين في دار الإسلام *Ahkam al-Zimmiyyin wa al-Musta'minin fi Dar al-Islam*
2. -الخالة والحوالة في الفقه المقارن *Al-Kifalah wa al-Hiwalah fi al-Fiqh al-Maqaran*
3. -أصول الدعوة *Kitab al-Usul al-Da'wah*
4. - الفرد والدولة في الشريعة *Al-Fard wa ad-Dawlah fi al-Syari'ah*
5. - المفصل في أحكام المرأة والبيت المسلم *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'aah wa Bayt al-Muslim*
6. - الوجيز في أصول الفقه *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*
7. - الوجيز في شرح القواعد الفقهية . *Al-Wajiz fi Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*
8. -المدخل لدراسة الشريعة الإسلامية *Madkhal li Dirasah Syari'ah al-Islamiyyah*
9. -نظرات في الشريعة الإسلامية والقوانين الوضعية *Nazarat fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa Qawaniin al-wada'iyyah*
10. - المستقاد من قصص القرآن للدعوة والدعاة. *Al-Mustafat min Qasas al-Quran al-Karim lil Da'wah wa al-Da'ah*
11. -السنن الإلهية في الأمم والجماعات والأفراد في الشريعة الإسلامية *Al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Umam wa al-Ifrad wa al-Jama'at*
12. -بحوث فقهية معاصرة *Buhuth Fiqhiyyah Mu'asarah*
13. -نظام القضاء في الشريعة الإسلامية *Nizam al-Qada' Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*
14. -أثر القصور في التصرفات والعقود *Athru al-Qusud fi tasarufat wa al-'Uqud*
15. -حالة الضرورة في الشريعة الإسلامية *Halah al-Darurah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*
16. - الاختلاف في الشريعة الإسلامية *al-Ikhtilaf fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*
17. -حقوق الأفراد في دار الإسلام *Huquq al-Afrad fi Dar al-Islam*
18. -الإيمان بالقضاء والقدر *al-Iman bi al-Qada wa al-Qadar*

Dalam buku *Usul al-Da'wah* tersebut, Abdul Karim Zaidan membicarakan tentang sumber metodologi dakwah, pendekatan dan penyakit dakwah serta mengenai jalan-jalan (*wasilah*) dakwah.

SUMBER METODOLOGI DAKWAH

Sumber metodologi dakwah ialah al-Quran, al-Sunnah, sejarah hidup para Sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha, serta pengalaman pendakwah itu sendiri.

1. Al-Quran. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat mengenai kisah para nabi dengan kaumnya yang perlu diambil pengajaran dan metodologi yang telah digunakan dalam menghadapi mereka. Al-Quran juga memerintahkan manusia untuk mengikut manhaj dakwah Rasulullah SAW. Firman Allah:

أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فِي هُدَاهُمْ أَفَلَمْ يَرْجُوا
وَأَنْتَكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فِي هُدَاهُمْ أَفَلَمْ يَرْجُوا

Mereka (nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah maka turutilah oleh kamu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka (al-An'am: 90)

Dalam al-Quran terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam berdakwah. Al-Quran berbicara mengenai dakwah para nabi terutama nabi *Ulul Azmi* kerana Allah sendiri yang mendidik dan memberi panduan kepada mereka. Al-Quran menyebut pendekatan pengkisahan, dialog, perumpamaan dan akhlak para pendakwah.

2. Sunnah Nabawiyah. Dalam Sunnah terdapat banyak hadis yang berkaitan dengan dakwah serta pendekatannya. Begitu juga dalam sejarah hidup nabi SAW sama ada di Makkah atau Madinah telah memberi contoh dalam pendekatan dakwah. Para pendakwah perlu memahami cara dan pendekatan yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW kerana Rasulullah SAW telah mempraktikkannya sesuai dengan apa yang diperintahkan Allah dan menyampaikan risalah Islam dengan sempurna. Rasulullah SAW telah menggunakan pendekatan pengkisahan, dialog dan penyelesaian masalah. Di samping dakwah yang dilakukan melalui pengajian, khutbah dan ceramah serta penulisan dengan menulis surat kepada ketua-ketua negara.
3. Sejarah hidup para Sahabat. Dalam sejarah hidup para sahabat yang besar dan tabi'in telah memberi contoh yang baik dan berguna kepada para pendakwah. Mereka adalah orang yang lebih memahami tentang ajaran Islam dan dakwah Islamiah. Sepatutnya, ahli ilmu mengambil manfaat daripada mereka. Dalam kehidupan mereka penuh dengan kisah-kisah,

qudwah, ijтиhad, fatwa, kesabaran dan musyawarah yang perlu diambil iktibar.

4. Pendapat para fuqaha. Fuqaha ialah orang yang terlibat dalam menggali hukum yang praktis dari sumber-sumber dan dalil-dalil agama. Di antara hukum yang berkaitan dengan dakwah seperti hukum amar-ma'ruf dan nahi mungkar, jihad, hisbah dan semua ini mereka susun dalam suatu bab tertentu dalam kitab –kitab fikah. Oleh itu, para pendakwah harus mengambil pandangan mereka terutama hukum yang berkaitan ibadat dan muamalat.
5. Pengalaman. Pengalaman adalah guru terbaik bagi mereka yang selalu bergaul dengan masyarakat. Pengalaman pendakwah bergaul dengan orang ramai merupakan teori-teori yang difahami dari sumber-sumber terdahulu dan memperbetulkan kesalahan berdasarkan pengalaman yang lalu agar tidak berulang. Oleh itu, pendakwah perlu mengambil manfaat dari pengalamannya sendiri dan juga pengalaman orang lain dalam pendekatan berdakwah (Abdul Karim Zaidan, 1992: 413).

Abdul Karim Zaidan juga menjelaskan perkara yang dapat memudahkan pendakwah berlitzam dengan manhaj dan metode dakwah ialah:

- i. Ilmu dan kefahaman yang mendalam terhadap manhaj dengan selalu memerhati, memikir dan memahami manhaj yang disebut dalam sumber-sumber yang telah diterangkan sebelum ini.
- ii. Ketakwaan kerana takwa dapat menyinari hati pendakwah mencerdaskan fikiran dalam memandang yang hak itu dengan lebih jelas dan nyata.
- iii. Sentiasa menyerahkan diri kepada Allah dan memohon agar diberi ilmu pengetahuan dan fikiran yang cerdas.
- iv. Membersihkan diri dari segala penyakit riya' dan menggantikannya dengan sifat ikhlas kepada Allah sehingga tidak ada di dalam hatinya keinginan kepada manusia, pangkat dan kemegahan (Zaidan, 1992: 418).

Sementara itu, Abdul Karim Zaidan menjelaskan uslub dan pendekatan dakwah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti penyakit penerima dakwah dan mengenal ubat bagi penyakit tersebut. Penyakit utama manusia ialah jahilnya mengenai Tuhan, ingkar kepada Allah dan tidak mengakui dirinya sebagai hamba Allah dan tidak mengikuti ajaran yang dibawa nabi Muhammad SAW. Oleh itu, ubatnya ialah menjelaskan akidah yang sebenar, menjelaskan asas-asas ajaran agama dan melakukan amar makruf dan nahi mungkar.
- ii. Menghilangkan syubhat yang timbul sama ada syubhat yang berhubung dengan diri peribadi pendakwah dengan tuduhan dan fitnah sebagai sesat,

bodoh dan gila; syubhat yang berkaitan dengan dakwah dengan mengatakan tuduhan membuat sesuatu yang baru dan keluar dari adat nenek moyang; syubhat yang dengan penerima dakwah dengan membangkitkan rasa benci kepada dakwah, mementingkan kepentingan diri dan menanamkan keyakinan kepada agama nenek moyang mereka.

- iii. *Targhib* dan *tarhib*. Perkara yang dimaksudkan dengan *targhib* (memberi kegembiraan) ialah semua perkara yang dapat menarik penerima dakwah untuk menerima dakwah dan tetap dengan kebenaran sementara *tarhib* (memberi peringatan) ialah segala yang dapat menimbulkan rasa takut sekiranya tidak menerima atau menolak kebenaran atau tidak istiqamah setelah menerima kebenaran. Antara bentuk *targhib* dan *tarhib* ialah memperingatkan orang dengan nikmat yang telah diperolehi kerana itu hendaklah mereka berterima kasih dan mentaati Allah. *Tarhib* pula dengan mengancam mereka bahawa nikmat itu akan dicabut apabila mereka enggan dan tidak menerima dan kufur dengan nikmat Allah. Di samping itu akan mendapat azab seksaan yang pedih di Akhirat.
- iv. Pendidikan dan Pembelajaran. Apabila penerima dakwah telah menerima dakwah dan mendapat hidayah, maka kewajipan pendakwah mendidik dan mengajar mereka dengan asas-asas ajaran agama kerana di dalam diri mereka masih banyak penyakit yang perlu dibersihkan seperti penyakit syirik dan sebagainya. Para pendakwah bukan sahaja mendidik tetapi juga memberi pengajaran yang mendorong mereka untuk melaksanakan ajaran agama. Oleh itu, pendidikan agama merupakan perkara yang amat diperlukan dalam memahami ajaran Islam (Zaidan, 1992: 421-447).

Seterusnya Abdul Karim Zaidan membicarakan *wasilah* dakwah. Perkara yang dimaksudkan *wasilah* ialah segala yang membantu para pendakwah dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Ia terbahagi kepada dua iaitu *wasilah* luaran dan *wasilah* dalaman. *Wasilah* luaran mempunyai tiga aspek iaitu kewaspadaan, memohon bantuan orang lain dan disiplin. Sementara *wasilah* dalaman merangkumi dakwah dengan perkataan, dakwah dengan perbuatan dan dakwah dengan akhlak yang baik.

Wasilah luaran terbahagi kepada:

- i. Kewaspadaan iaitu seorang yang teliti atau berhati-hati serta bersiap sedia menghadapi segala cabaran dan ancaman yang akan menimpa dirinya dari orang yang benci kepadanya. Para pendakwah harus waspada dalam menyampaikan dakwah di tengah-tengah masyarakat agar tidak mendatangkan kebinasaan dan menghalang jalan dakwahnya. Antara bentuk kewaspadaan ialah waspada dari kemaksiatan, waspada terhadap keluarga

- dan anak, waspada mengikuti hawa nafsu, waspada terhadap orang yang kafir dan munafik.
- ii. Meminta bantuan orang lain. Para pendakwah diharuskan meminta bantuan kepada orang yang berpengalaman dan petah bercakap dalam menyampaikan dakwah. Begitu juga para pendakwah harus meminta bantuan dari kaum muslimin untuk memelihara dari gangguan orang yang ingin mengancamnya dan mencegahnya dari menyampaikan dakwah. Pendakwah juga dibenarkan meminta bantuan dari orang bukan Islam untuk memberi perlidungan dan keamanan kepada dirinya, menyingkirkan segala gangguan dan memberi kesempatan untuk melaksanakan tugas dakwah.
- iii. Peraturan dan Disiplin. Para pendakwah amat memerlukan kepada peraturan dan disiplin agar dapat menyampaikan dakwah dengan lebih baik. Pendakwah perlu berdisiplin dengan waktu dengan membahagikan masa kepada beberapa waktu dan menetapkan waktu tersebut untuk dirinya, keluarga, masyarakat dan dakwah. Begitu juga apabila dakwah dilakukan secara jamaah dan organisasi, maka ia memerlukan peraturan dan disiplin. Antara asas-asas peraturan organisasi yang perlu dipatuhi oleh pendakwah ialah berkaitan kepimpinan ketua dan ketaatan kapadanya dan sentiasa bermusyawarah (Zaidan, 1992: 448-468)

Wasilah dalaman ialah menyampaikan dakwah kepada Allah melalui perkataan, perbuatan dan akhlak yang mulia.

1. Dakwah dengan perkataan. Ia merupakan asas dalam berdakwah kerana al-Quran itu sendiri mengandungi makna-makna dakwah yang merupakan kata-kata Allah yang telah diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Antara syarat-syarat dalam dakwah dengan perkataan dan pembicarannya ialah hendaklah perkataan itu jelas dan terang serta difahami oleh pendengar. Kata-katanya tidak terlalu cepat, sentiasa cermat dan perlahan agar pendengar memahami maksud yang hendak disampaikan. Pendakwah juga harus menjauhi kata-kata yang mengandungi ancaman, pemaksaan dan penghinaan kepada penerima dakwah sebaliknya menggunakan kata-kata yang lemah lembut serta mudah difahami. Antara bentuk perkataan seperti khutbah dan pidato, pengajian, ceramah dan diskusi serta dialog. Antara kaedah dalam pelaksanaan amar ma'aruf dan nahi munkar ialah:
 - i. Pendakwah harus mengetahui ilmu dan hakikat ma'aruf dan mencegah mungkar terlebih dahulu sebelum melaksanakan tanggungjawab tersebut.
 - ii. Melakukan dengan cara yang lemah lembut dan bukan dengan cara yang kasar.
 - iii. Melihat tentang kebaikan dan keburukan hasil dari pelaksanaan tersebut. Umpamanya sekiranya mencegah

- keburukan akan menimbulkan keburukan yang lebih besar lagi, maka tidaklah wajib bagi pendakwah melarangnya
- iv. Apabila kebaikan dan kemungkarannya itu bercampur dalam diri seseorang atau jamaah, maka pendakwah harus melihat yang mana yang lebih utama sama ada menyuruh melakukan kebaikan atau mencegah mereka berbuat mungkar
- v. Pendakwah melakukan sekadar kuasanya dan tidaklah dibebankan melainkan apa yang mampu dilakukan.
2. Berdakwah dengan perbuatan iaitu menyingkir perkara mungkar dengan perbuatan atau mendorong orang berbuat baik seperti mendirikan masjid, sekolah dan sebagainya atau sesuatu perbuatan yang dapat menunjang pelaksanaan syariat Islam. Antara syarat untuk melakukan pencegahan kemungkarannya ialah mengenal pasti kebaikan dan kejahatan sebelum mengambil tindakan dan memperhitungkan akibat-akibat yang mungkin timbul berikutnya tindakan tersebut. Di samping itu, ia harus memiliki kemampuan dan kesanggupan diri untuk mengubahnya. Pendakwah juga harus mempunyai sikap benci terhadap perkara mungkar dan melakukannya sesuai dengan perintah agama.
3. Akhlak yang baik dari pendakwah yang dapat memikat hati-hati penerima dakwah. Akhlak yang baik yang menjadi contoh kepada orang lain apabila ia telah memenuhi dua syarat iaitu akhlak yang baik dan bersesuaian dengan perkataan dan perbuatan. Apabila dua dasar ini ada dalam diri pendakwah, maka segala tindak tanduk dan perbuatan merupakan pendekatan terbaik dalam menarik orang lain kepada agama Islam (Zaidan, 1992: 470-486).

Ada juga yang membahagikan pendekatan dakwah kepada penulisan, pendengaran dan penglihatan. Perkara yang dimaksudkan dengan dakwah melalui penulisan merangkumi penulisan buku, artikel, penyelidikan, buletin dan pengkisahan. Sementara pendekatan dakwah dengan percakapan dan pendengaran merangkumi seminar, ceramah, forum, khutbah, pengajian dan dialog. Sementara pendekatan dakwah dengan percakapan, endengaran dan penglihatan adalah dakwah melalui televisyen dan komunikasi baru seperti melalui internet, filem dan cinema. Bentuk dakwah juga boleh dilakukan melalui aktiviti teater, minggu dakwah, penubuhan perpustakaan, radio Islam, penerbitan akhbar dan majalah Islam dan organisasi dakwah. Kini para pendakwah perlu memanfaatkan teknologi baru dalam penyampaian dakwah melalui media baru seperti laman web, *facebook* dan *instagram*. Hal ini kerana dalam dunia ICT, elemen media baru memberi ruang dan peluang yang cukup besar dalam berdakwah dengan lebih pantas.

Penguasaan yang dimaksudkan ialah kemampuan para pendakwah untuk menarik orang ramai dan memperkembangkan keupayaan mereka sekalipun mereka itu terdiri dari berbagai bentuk mentaliti, kecenderungan, status dan penguasaan ilmu yang tidak sama. Manusia secara umum tidak sama dalam semua perkara, sama ada dalam cara berfikir, status kehidupan, kecenderungan, kecerdasan otak dan kemampuan emosi dan imaginasi. Pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang mampu mengharung dan mempengaruhi manusia dengan fikrah dan dakwahnya, sekalipun mereka itu terdiri dari berbagai tabiat dan status. Pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang mampu menarik ramai orang dan menguasai mereka dari sudut fikrah dan harakah (Fathi, 1992: 9).

Dengan penjelasan ini, "penguasaan" membawa pengertian kemampuan peribadi, keahlian di sudut akhlak, sifat imaniah dan anugerah Allah yang dapat menolong para pendakwah dan menjadikan mereka sebagai menara hidayah dalam masyarakat mereka. Ia juga dapat menjadikan mereka pusat tumpuan bagi orang yang berada di sekeliling mereka dan mampu menarik orang ramai. Pada hakikatnya kemampuan untuk "menguasai" dianggap sebagai syarat kelayakan yang pertama dan terpenting bagi peribadi seorang pendakwah. Tanpa kemampuan "penguasaan" ini pendakwah belum wujud dan dakwah juga belum berlaku (Fathi, 1992:10).

PENGUASAAN LUARAN DAN DALAMAN

Penguasaan luaran ialah menguasai mereka yang di luar dakwah, gerakan dan organisasi iaitu tahap sebelum bergabung ke dalam organisasi. Manakala penguasaan dalaman pula membawa erti menguasai mereka yang telah berada dalam organisasi iaitu menguasai mereka yang telah diorganisasikan dan telah menggabungkan diri ke dalam amal-amal Islam dan gerakan. Kedua-dua bidang penguasaan ini saling menyempurnakan antara satu sama lain. Kedua-duanya amat penting dan memerlukan kemampuan penguasaan yang tinggi. Kejayaan dakwah amat bergantung kepada syarat memiliki penguasaan kedua-dua bidang ini kerana tidak ada ertinya penguasaan luaran jika tidak disertai dengan penguasaan dalaman (Fathi, 1992. :14).

Penguasaan luaran bermaksud membawa dakwah kepada orang ramai dan menjadikan mereka mengimani, mempercayai dan terpengaruh dengannya yang kemudian akan mendorong mereka menggabungkan diri ke dalamnya, bekerja, berjihad dan berkorban merupakan proses yang terlalu sukar dan susah. Ia memerlukan kemampuan dan tuntutan-tuntutan yang berbagai bentuk. Siapa yang memiliki sebahagian besar darinya, beliau adalah pendakwah yang mendapat taufik, berjaya dan mampu menguasai orang ramai dan menarik mereka satu demi satu ke dalam Islam dan ke dalam dakwah. Para pendakwah yang memiliki syarat-syarat penguasaan ini akan memberi peluang yang luas untuk menguasai orang ramai dan pengaruh dakwah terhadap mereka semakin banyak (Fathi, 1992:15). Antara ciri-ciri dan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Memahami Agama Allah.
- ii. *Qudwah Hasanah* (Keteladanan yang baik)
- iii. Sabar
- iv. Lemah Lembut dan Belas Kasihan.
- v. Memudahkan bukan Menyusahkan.
- vi. Tawaduk dan Merendahkan Diri.
- vii. Manis Muka dan Manis Tutur kata
- viii. Memberi khidmat kepada orang lain

KESIMPULAN

Abdul Karim Zaidan telah merumuskan manhaj yang perlu ada pada diri para pendakwah agar dakwah yang dilakukan itu berkesan dan berjaya menarik orang ramai kepada Islam. Sumber metodologi dakwah ialah al-Quran, al-Sunnah, sejarah hidup para Sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha, serta pengalaman pendakwah itu sendiri. Perkara yang dimaksudkan wasilah ialah segala yang membantu para pendakwah dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Ia terbahagi kepada dua iaitu wasilah luaran dan wasilah dalaman. Wasilah luaran mempunyai tiga aspek iaitu kewaspadaan, memohon bantuan orang lain dan disiplin. Sementara wasilah dalaman merangkumi dakwah dengan perkataan, dakwah dengan perbuatan dan dakwah dengan akhlak yang baik. Oleh itu, para pendakwah yang berjaya perlu memahami asas-asas, manhaj serta wasilah dakwah yang yang telah dikemukakan oleh Abdul Karim Zaidan dalam bukunya ini.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulaiman bin As'ath al-Sajastani. (T.th). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi
- Abu Faris, Muhamammd Abdul Qadir.(1992). *Usus fi al-da'wah wa wasa'il nashriha*. Amman: Dar al-Furqan.
- Al-Aqil, Abdullah Sulaiman. (2002). *Min 'alam al-da'wah wa harakah al-Islamiah al-mu'asarah*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah. (1987). *Al-Jami' al-sahih al-mukhtasar (al-Jami' al-sahih)*. (Peny.Mustafa al-Bugha). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. (1990). *Kubra al-yaqiniyyat al-kawniyyat*. Damsyik: Dar al-Fikr
- _____. (2011). *al-Hubb fi al-Quran*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Muhamad. (1992). *Kayfa Nata'amal ma'a al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Wafa', Kaherah.
- Al-Humaidi, Muhammad bin Futuh. (2002). *al-Jam'u bayn al-Bukhari wa Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Qaradawi, (1989). *Al-Sabr fi al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- _____. (1992). *Awlawiyat al-harakah al-Islamiah fl al-marhalah al-qadimah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____. (2009). *Thaqafah al-Da'iyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Turmidhi, Muhammad bin Isa (peny. Ahmad Muhammad Syakir dan al-Albani). (T.th). *al-Jami' al-sahih sunan al-Turmidhi*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath.
- Al-Wa'iyy, Taufiq Yusuf. (2006). *Kubra al-jamaat al-Islamiyyat al-islahiyat fi al-'alam al-mu'asir*. Mansurah: Mu'assasah al-Shuruq.
- Humaidi, Muhammad Futuh. (2002). *Jam'u bayn al-sahian al-Bukhari wa Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazam.
- Ibn Majah. (T.th). *Sunan Ibn Majah* (Pen. Muhammad Fuad Abd Baqi dan al-Albani). Beirut: Dar al-Fikr.
- Kalimat al-'Alamah al-Qaradawi fi Ta'bin 'Abd al-Karim Zaydan*. Retrieved from <https://www.al-qaradawi.net/node/857> (akses 20 Ogos 2018).
- Muslim, Abu Husein.t.t. *Al-Jami' al-sahih al-musamma sahib Muslim*.Beirut: Dar al-Jil.
- Sirah al-Zatiyyah al-Shaykh*. Retrieved from <https://drzedan.com/content.php?id=24> (akses 10 Ogos 2018).
- Ulwan, Nasih. (2010). *Salsilah madrasah al-du'at*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Yakan, Fathi. (1988). *Madha ya'ni intima' li al-Islam*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- _____. (2010). *Tasawwur asasi gerakan Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Islam.
- Zaidan, Abdul Karim. (1986). *Majmu'ah buhuth fiqhiah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- _____. (1987). *Al-Wajiz fi usul al-fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- _____. 1988). *Al-Ahkam al-Zimmiyyin wa Musta'minin fi Dar al-Islam*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah.
- _____. 1990). *Madkhal li dirasat al-syari'at al-Islamiah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- _____. (1992). *Usul al-da'wah*. Kaherah: Dar al-Wafa'
- _____. 1994). *Mufassal fi ahkam al-mar'ah wa a-bayt al-Muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- _____. 2013). *Al-Mustafad min qasas al-Quran*. Beirut:Mu'assasah al-Risalah